

Rakyat Perlu Pelihara Keamanan Kerana Ia Satu Kemewahan – Rosmah Bernama
August 03, 2011

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia perlu memelihara keamanan dengan apa cara sekalipun kerana keamanan merupakan satu kemewahan yang perlu diwarisi dan dikekalkan untuk generasi akan datang.

Ketika membuat gesaan itu, Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) Datin Seri Rosmah Mansor berkata rakyat seharusnya bersyukur dengan keamanan yang dikecapi hari ini yang merupakan hasil titik peluh dan titisan darah pasukan keselamatan.

Rosmah, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata pergolakan di banyak negara lain menyebabkan berlakunya kemerosotan ekonomi, ketidakstabilan politik yang akhirnya membawa kepada kesengsaraan rakyat.

"Kita tidak mahu mewariskan kepada generasi yang akan datang sebuah negara yang tidak stabil dan tidak aman. Kita mahu anak cucu kita mewarisi keamanan yang kita nikmati hari ini," katanya pada majlis penyampaian sumbangan bungkusan Hari Raya Aidilfitri kepada pasukan keselamatan di Bangunan Bakti Siti Hasmah di sini pada Rabu.

Rosmah berkata memelihara keamanan negara tidak seharusnya bersandar di bahu anggota keselamatan semata-mata kerana ia menjadi tanggungjawab bersama setiap lapisan masyarakat.

Rosmah menyifatkan anggota keselamatan sebagai benteng pertahanan yang tidak jemu mengawal negara tanpa mengira tempat dan ketika bagi memastikan keamanan terus terbelah.

"Pengorbanan mereka yang amat mulia ini perlu dihargai oleh seluruh rakyat Malaysia," katanya, sambil menambah Bakti sememangnya menyedari hakikat itu dengan meneruskan tradisi menghulurkan sumbangan kepada pasukan keselamatan yang bertugas dalam dan luar negara sempena Aidilfitri.

Sebanyak 39,000 bungkusan Hari Raya membabitkan perbelanjaan RM351,000 diserahkan kepada anggota keselamatan.

Daripada jumlah itu, 15,000 bungkusan diserahkan kepada Angkatan Tentera Malaysia, 20,000 kepada Polis Diraja Malaysia dan 4,000 kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

Antara yang hadir pada majlis itu ialah Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin, Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar dan Ketua Pengarah Maritim Malaysia Laksamana Maritim Datuk Mohd Amdan Kurish.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=605719>